

08 FEB 2002

Hakim-Perlantikan

BEKAS PEGUAMCARA ANTARA TIGA HAKIM BARU MAHKAMAH TINGGI

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Bekas Peguamcara Negara Datuk Heliliah Mohd Yusof dan dua pesuruhjaya kehakiman hari ini mengangkat sumpah jawatan sebagai hakim Mahkamah Tinggi.

Heliliah, 56, Datuk Ramly Ali, 48, dan Datuk Ahmad Maarop, 48, masing-masing telah menerima watak perlantikan daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada pagi ini.

Mereka kemudian mengangkat sumpah jawatan di hadapan Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah, Hakim Besar Malaya Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Steve Shim Lip Kiong di dewan persidangan, Bangunan Sultan Abdul Samad.

Dalam ucapannya, Dzaiddin menyampaikan tahniah atas perlantikan mereka sebagai hakim mahkamah tinggi dan mengingatkan hakim-hakim baru itu supaya sentiasa berpegang teguh kepada sumpah jawatan dengan menunaikan kewajipan kehakiman yang telah diamanahkan kepada mereka.

Beliau juga meminta mereka supaya menumpahkan taat setia kepada negara dengan memelihara, melindungi serta mempertahankan perlembagaannya.

Apabila ditemui pemberita, Heliliah menyatakan penghargaannya kepada Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dzaiddin.

Heliliah berkata perlantikan beliau sebagai hakim Mahkamah Tinggi adalah satu penghormatan besar baginya, dan menambah kata beliau berterima kasih kepada para pegawai atasan kerana membuka pintu dan memberikannya peluang dalam bidang-bidang yang dikuasai oleh kaum lelaki.

Beliau akan ditempatkan di Mahkamah Tinggi Sivil di Wisma Denmark di sini.

Heliliah memulakan kerjayanya pada tahun 1970 sebagai Majistret di Kajang and kemudiannya memegang beberapa jawatan termasuk sebagai peguam persekutuan di Jabatan Peguam Negara, di Kementerian Perhubungan dan Kementerian Perdagangan dan Industri sebelum dilantik memegang jawatan sebagai penggubal Undang-Undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara.

Heliliah yang dilahirkan pada tahun 1945 di Ipoh Perak mencatatkan sejarah apabila menjadi wanita pertama untuk dilantik sebagai peguamcara negara ini pada 1994.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua orang anak.

Ramly pula memulakan kerjayanya sebagai seorang Majistret di Kampar, Perak pada 1978 dan seterusnya sebagai majistret di Teluk Intan, dari 1979 dan majistret di Ipoh, pada tahun 1981 sebelum dilantik sebagai penolong pengarah, Biro Bantuan Guaman, Kuala Terengganu pada 1982.

Beliau yang berasal dari Duyong, Melaka, juga telah memegang beberapa jawatan seperti Timbalan Peguamcara Perbendaharaan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur dan Pendaftar Syarikat.

Ramly kemudiannya memegang jawatan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dari 1998 sehingga 2000 sebelum dilantik sebagai pesuruhjaya kehakiman Mahkamah Tinggi.

Ketika ditemui pemberita, Ramly berkata adalah penting untuk membuat sesuatu keputusan yang adil dan cepat.

Ramly berkata beliau akan ditugaskan di Mahkamah Tinggi Kuantan.

Ahmad yang berasal dari Kampung Serkam, Melaka memulakan kerjaya sebagai majistret di Bentong, Pahang, pada 1978 dan memegang beberapa jawatan lain seperti Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia di Jabatan Peguam Negara sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah

Tinggi.

Sementara itu, Dzaidin, dalam ucapannya, berkata Kod Etika Hakim 1994 iaitu satu kerangka peraturan yang dibuat secara tergesa-gesa, sekarang sedang dikaji semula untuk dipinda kerana ia mengandungi banyak kecacatan.

Beliau berkata Kod Etika Hakim baru diperlukan bagi menyediakan panduan yang lengkap kepada hakim-hakim bersabit isu-isu integriti, kebebasan kehakiman, aspek daya usaha dan kesaksamaan hakim dan juga persoalan mengenai aktiviti-aktiviti luar-kehakiman.

"Saya telah berkesempatan menyampaikan pandangan awal saya mengenai perkara ini kepada kerajaan melalui YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Ogos tahun lepas," katanya.

Beliau juga berkata beberapa mekanisme lain juga perlu dikaji untuk menyiasat pelanggaran yang lebih serius Kod berkenaan, serta tindakan tatatertib yang perlu diambil tanpa pembentukan tribunal di bawah perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata kuasa penguatkuasaan boleh diserahkan kepada Ketua Hakim Negara yang bertindak bersama-sama Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar bagi menangani pelanggaran kecil kod etika itu.

-- BERNAMA

JA ZS PR